



DR MAXIMUS (tiga dari kanan) diberi penerangan oleh Pensyarah Kanan Sekolah Perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Dr Muhammad Iftikhar (dua dari kiri) dan Pensyarah Sekolah Perubatan UMS Dr Maralindran Mariappan (kiri) mengenai robot yang dikenali "DocBot" hasil ciptaan sekolah perubatan UMS. Selain boleh mengenal masalah pesakit melalui cahaya kamera, "Docbot" boleh dikawal dari jarak jauh oleh seorang doktor sekiranya "Docbot" dihantar ke kawasan pedalaman untuk mengenalpasti masalah pesakit melalui internet. Memerhatikan ialah Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Brig Jen Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampon (tiga dari kiri). - FotoBernama

Mosti tumpu potensi Sabah dalam bidang bioteknologi marin

Barnard Yaang

KOTA KINABALU: Sabah boleh menjangkakan peruntukan lebih besar daripada Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) tahun depan untuk memajukan bioteknologi marinyanya.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Maximus J. Ongkili berkata, ini adalah kerana potensi yang ada dalam sektor marin Sabah.

Katanya, kawasan pinggir laut di sekitar negeri ini dari Sindumin hingga ke Kudat dan ke arah Selatan ke Semporna dan Pulau Sebatik sangat kaya dengan hidupan marin.

"Jadi, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kerajaan akan menyediakan peruntukan untuk pembangunan bioteknologi marin di Sabah," beliau memberitahu wartawan di semasa Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi 2010 (Pereka 2010) serta majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Sirim dan MyIPO.

Beliau berkata, keutamaan diberikan kepada Sabah disebabkan kekuatannya dalam bioteknologi marin, satu usaha yang banyak dikendalikan UMS.

Beliau berkata, masih banyak kekayaan marin negeri ini yang belum diterokai maka bioteknolo-

gi mungkin boleh menjadi platform untuk mengeksploitasi potensinya.

Mengenai peruntukan RM500,000 untuk UMS di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), Dr Ongkili berkata, dana itu adalah untuk menyokong sebahagian daripada penyelidikan yang dijalankan institut pengajian tinggi tersebut.

Beliau berkata, tidak banyak lagi baki daripada peruntukan RM1.7 juta untuk projek-projek sains tahun lalu.

Dengan itu, beliau berkata, baki daripada dana itu boleh diubah menjadi dana teknologi.

Mosti mahu lihat dahulu hasil penyelidikan UMS

Dari Muka Depan

Bagaimanapun, Dr Ongkili berkata, kementeriannya mahu melihat kepada penyelidikan teknologi yang dijalankan UMS sebelum menyalurkan dana tersebut.

Katanya, sebahagian penyelidikan itu adalah seperti menaikkan skala alga yang mengeluarkan cahaya dalam bioteknologi marin serta menjadikannya sebagai satu sumber tenaga.

Sabah, katanya, mempunyai potensi besar dalam perkara itu dan itulah antara sebab kenapa Negeri ini diberi keutamaan dalam bioteknologi pada RMK10 tahun depan.

Bagaimanapun, katanya,

negeri-negeri lain juga akan diperuntukkan tabung untuk membangunkan sektor bioteknologi mereka masing-masing.

Mengenai penubuhan Pusat Inovasi Negara (MyNIC), Dr Ongkili berkata, ia sudah berada pada peringkat akhir penyiapan.

"Pusat itu diharapkan siap hujung bulan ini atau pada Mei," katanya.

Menurut beliau, peranan MyNIC adalah untuk membawa penyelidikan ke dalam pasaran atau ke dalam kontak dengan pasaran tersebut.

"Walaupun tujuan muktmadnya adalah untuk sektor swasta menerima pelaburan, MyNIC akan menyediakan

platform dan ekosistem untuk kesepadanan ini," katanya.

Beliau menekankan, peranan pusat itu bukan semata-mata sebagai fasilitator perniagaan tetapi selaras dengan Model Ekonomi Baharu (MEB) iaitu penguatkuasaan penglibatan Kerajaan dalam perniagaan.

MyNIC itu, katanya, akan menjadi gedung kuasa untuk inovasi di negara ini.

Pada masa ini, katanya, Kerajaan memberi fokus yang baik kepada R&D tetapi menambah, ada kebimbangan terhadap ketidakcukupan dasar, strategi dan aktiviti hiliran, iaitu dalam inovasi dan komersialisasian serta keusahawanan.

Dengan itu, katanya, mereka perlu menstrategikan semula fokus sekarang dan memperkukuhkan spektrum R&D yang disebelah lagi.

Katanya, MyNIC itu adalah untuk memfokus kepada pembangunan idea, loji-loji prototaip atau perintis dan aspek pengkomersialisasian inovasi-inovasi tersebut.

"MyNIC akan memberi kuasa kepada idea masuk ke dalam pasaran komersial, dan seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi," katanya.

Dr Ongkili berkata, pusat inovasi itu boleh menjadi enjin pusat yang menggerakkan agenda inovasi,

melalui satu rangkaian pusat inovasi kecemerlangan (I-coes).

Katanya, i-coes itu akan menjadi platform di mana penyelidikan, inovasi, pembangunan dan pengkomersialan sedang dijalankan di universiti, institut penyelidikan dan industri berkenaan.

"Rangka kerja ini akan membolehkan aktiviti inovasi berputik dan berkembang sambil mengelak duplikasi modal insan, pembaziran sumber dan infrastruktur.

"Mereka akan mempunyai hubungan industri yang berdaya maju dan membolehkan produk-produk R&D itu didedahkan kepada pasaran global," katanya.